

Media Title : Harian Metro
Headline : RHB sedia bantuan kewangan kepada PKS terkesan banjir
Date : 11 January 2023
Section : Bisnes
Page : 25



RHB sedia bantuan kewangan kepada PKS terkesan banjir

Kuala Lumpur: RHB Banking Group (RHB) menyediakan bantuan kewangan kepada pelanggan individu serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di seluruh negara yang terkesan banjir baru-baru ini menerusi Program Bantuan Mangsa Banjir.

Di bawah program itu, pelanggan individu yang layak boleh memohon penangguhan pembayaran ansuran sehingga enam bulan bagi gadai janji, pinjaman Amanah Saham Bumiputera (ASB)/kemudahan Term Financing-i, pinjaman peribadi/Financing-i dan Hire Purchase/-i.

Selain itu, RHB menawarkan pengecualian caj bayaran lewat dan yuran pengurusan faedah/sebenar ke atas Credit Card/-i yang terjejas sehingga

RM500 mulai Januari hingga Jun 2023, selain pengecualian yuran penggantian kad bagi semua kad ATM, Debit Card/-i, serta Credit Card/-i.

Pelanggan PKS yang layak pula, boleh memohon penangguhan pembayaran ansuran sehingga enam bulan bagi Hire Purchase/-i, Pinjaman Terma/ Financing-i, faedah/keuntungan Overdraft/-i, pembayaran bil Multi Trade Line/-i dan kemudahan pembiayaan sedia ada yang lain.

RHB turut menyediakan dana pembiayaan bantuan banjir kepada PKS, termasuk penangguhan ansuran bagi pelanggan PKS baharu dan sedia ada, dengan kemudahan pembiayaan sehingga RM700,000 bagi tempoh tujuh tahun pada kadar pilihan.